

## **KHUTBAH JUMAAT: WALIMATUL ARUS – ANTARA IBADAH DAN ADAT.**

**PENGARANG: NURHELMI B. HJ. IKHSAN**

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan ke hadirat Allah S.W.T. kerana alangkah bertuahnya kita seandainya sentiasa merasai bahawa kita berada dalam agama Allah serta berada dalam pemerhatian dan pembelaanNya. Itulah di antara kenikmatan rohani yang tidak dapat disifatkan dengan kata-kata, ia bukan bukan sahaja dapat memelihara diri kita daripada memikirkan perkara yang berbentuk maksiat dan kemungkaran, malah ia akan memenuhi jiwa kita dengan perasaan yang bahagia dan tenang kerana sentiasa berada di bawah lembayung rahmatNya.

Allah S.W.T. mencipta manusia daripada satu keturunan, iaitu daripada Nabi Adam A.S. kemudian daripada Nabi Adam diciptakan isterinya, Hawa. Daripada kedua-duanya Allah mencipta keturunan manusia sehinggalah ke hari akhirat. Itulah sejarah kehidupan manusia yang tidak dapat dinafikan.

Manusia samada lelaki atau perempuan saling memerlukan di antara satu sama lain. Itulah merupakan sunnatullah yang dikurniakan kepada umat manusia. Allah S.W.T. menciptakan ketenangan melalui ikatan perkahwinan di bawah satu sistem hubungan kehidupan iaitu jalinan di antara pasangan suami isteri dan perjalanan hidup berumah tangga. Firman Allah S.W.T.:

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

(Ar-Ruum : 21)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam syariat Islam, seseorang lelaki atau bakal suami yang hendak meminang wanita idamannya dibenarkan untuk melihat wanita yang akan menjadi bakal isterinya, begitu juga sebaliknya. Walaubagaimanapun, terdapat batasan yang tertentu iaitu hanya dibenarkan untuk melihat pada bahagian muka dan kedua belah tangan sehingga ke pergelangan tangan sahaja.

Dinyatakan di dalam kitab Kifayat Al-Akhyar : Apabila seseorang lelaki ingin mengahwini seseorang wanita dan ia menyukainya, maka tidak syak lagi pada keharusan untuk melihatnya. Sabda Rasulullah S.A.W.:

Maksudnya: Hendaklah kamu melihat kepadanya kerana sesungguhnya perbuatan tersebut dapat menimbulkan rasa penyesuaian di antara kamu berdua.

(Riwayat Termizi)

Akan tetapi realiti yang berlaku kepada masyarakat kita pada hari ini, kita bukan sahaja mengikuti perintah rasul ketika majlis peminangan berlaku, tetapi lebih daripada itu. Setelah peminangan diterima dan diikat dengan ikatan pertunangan, kita merasakan seolah-olah pasangan kita itu telah sah menjadi milik kita. Sedangkan dalam tempoh itu kita perlu dan wajib untuk menjaga batas-batas pergaulan serta aurat kerana belum dijabkumkan lagi. Kita pada hari ini bebas untuk membawa pasangan kita ke mana-mana sahaja. Sebilangan ibu bapa juga seolah-olah merestui apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka, sedangkan mereka mengetahui perbuatan tersebut adalah salah dan haram hukumnya disisi agama.

Ikatan pertunangan bukanlah pra-syarat yang membolehkan kita membawa pasangan kita. Islam tidak menghalang bagi pasangan yang akan mendirikan rumahtangga untuk berjumpa, tetapi biarlah di tempat, masa dan keadaan yang bersesuaian. Adakalanya kita membiarkan anak-anak atau diri kita

dikuasai emosi dan runtunan nafsu tanpa memperdulikan syariat dan adab-adab yang telah digariskan oleh Islam. Kita membenarkan diri kita bercampur - gaul dengan bakal isteri tanpa batasan dengan mendakwa inilah masanya untuk mengenali dengan lebih rapat lagi sikap dan tingkah laku pasangan sebelum mendirikan rumahtangga.

Dakwaan ini adalah salah dan ditegah oleh Islam. Masanya akan tiba, seharusnya pada waktu ini kita membuat persiapan diri dengan menambah ilmu berkaitan kekeluargaan, memahami tanggungjawab sebagai seorang suami atau isteri dan peranan yang akan dilaksanakan kelak di samping membuat persediaan bagi majlis walimatul arus yang bakal tiba.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Mengadakan majlis walimatul arus bagi meraikan pasangan pengantin hukumnya adalah sunat muakkad atau sunat yang dituntut. Kita dituntut untuk memberitahu ahli keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga tentang perkahwinan tersebut. Majlis yang terbaik adalah majlis yang diadakan secara sederhana, mengikut kemampuan kedua-dua belah pihak. Janganlah kita terlalu bermewah sehingga sanggup berhutang kerana ia akan mendatangkan kesan yang buruk. Sabda Rasulullah S.A.W.:

Maksudnya: Buatlah walimah walaupun dengan menyembelih seekor kambing.

(Riwayat At-Tabrani)

Walaupun bagaimanapun, kita perlu memastikan agar majlis yang diadakan itu tidak bertentangan atau bercanggah dengan hukum syara` sehingga boleh membawa kepada kelalaian dan keseronokan yang melampaui batas.

Pada hari ini kita lihat banyak perkara yang berbentuk kemungkar dan kemaksiatan berlaku ketika mengadakan majlis walimatul arus. Di antaranya adalah percampuran dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa batasan. Perkara ini akan melahirkan suasana yang disukai oleh syaitan.

Mengadakan majlis persandingan yang membolehkan mereka yang menghadirinya melihat perhiasan yang dipakai oleh pengantin perempuan lebih-lebih lagi jika pengantin tersebut tidak menutup aurat. Dalam masa yang sama juga mengadakan majlis menepung tawar kepada pengantin. Menepung tawar ini adalah sebahagian daripada bentuk pembaziran yang nyata.

Dalam pada itu juga terdapat sesetengah daripada kita mengundang kumpulan muzik yang penyanyinya terdiri daripada lelaki dan perempuan yang tidak menutup aurat. Kadangkala dendangan muzik dan lagu yang dibawa itu boleh membawa kelalaian, kemaksiatan dan keseronokan yang melampaui batas-batas agama. Pada masa yang sama, ia akan mengganggu ketenteraman jiran tetangga yang lain disebabkan bunyi yang terlalu bising dan bising. Islam tidak menghalang kita untuk berhibur dan bersukaria pada majlis perkahwinan, tetapi janganlah hiburan yang diadakan itu bersifat keterlaluan dan menyalahi syara'.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam kita berada dalam suasana yang gembira bagi meraikan pasangan pengantin baru, satu perkara yang kita sering lupa adalah menunaikan tanggungjawab kita sebagai hamba kepada Allah S.W.T. iaitu menunaikan solat. Kita kadangkala terlupa atau lalai untuk menunaikan kewajipan tersebut terutamanya solat fardhu zohor kerana pada waktu itulah kemuncak majlis yang diadakan dengan ketibaan kedua mempelai.

Di mana kita pada waktu itu? Adakah kita sebagai ibu bapa, pengantin atau ahli keluarga, mahupun para tetamu jemputan berusaha untuk mencuri masa yang ada bagi menunaikan kewajipan terhadap Allah? Ataupun kita leka dan terlupa kerana terlalu asyik melayan tetamu yang diundang. Walaubagaimana sibuk sekalipun kita pada waktu itu, kewajipan terhadap Allah tidak boleh diabaikan. Kita pada hari ini nampaknya lebih mengutamakan perkara yang

sunat berbanding perkara yang wajib. Inilah yang seharusnya kita nilai kembali dalam diri kita.

Begitu juga dalam perkara yang melibatkan jemputan ataupun undangan. Hendaklah ahli keluarga atau pihak pengantin tidak melupakan saudara mara yang terdekat ataupun yang jauh, jiran tetangga dan sahabat handai untuk memenuhi undangan. Jangan sampai kita mengutamakan yang satu atas yang lain, kerana seolah-olah seperti kita sengaja untuk menyakitinya. Misalnya dengan mengundang orang yang kaya sahaja tanpa menghiraukan orang yang fakir atau miskin. Sepertimana sabda Rasulullah S.A.W.:

Maksudnya: Seburuk-buruk makanan ialah makanan walimah yang hanya dijemput kepadanya orang yang kaya sahaja, dan ditinggalkan orang miskin. Dan siapa yang tidak menyahut (jemputan) orang, maka sesungguhnya ia telah bermaksiat kepada Allah dan RasulNya.

(Riwayat Muslim)

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Kita juga dituntut untuk menghadiri jemputan atau undangan bagi majlis perkahwinan sekiranya tidak mempunyai sebarang keuzuran seperti mana yang disabdakan oleh Rasulullah S.A.W. :

Maksudnya: Apabila salah seorang di antara kamu telah dijemput untuk mendatangi sesuatu undangan, maka pergilah, jika ia tidak berpuasa, makanlah dan jika ia berpuasa maka hendaklah ia menahan dirinya.

(Riwayat Ahmad dan Muslim)

Sekiranya puasanya itu puasa sunat, maka sebaik-baiknya ia berbuka, kerana dikhuatiri tuan rumah akan berkecil hati. Jika majlis tersebut mengandungi unsur-unsur maksiat, maka sebaik-baiknya kita tidak perlu hadir melainkan jika ingin mencegahnya.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Kita sebagai umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar seharusnya bijak untuk menyesuaikan keadaan dalam apa jua yang kita lakukan termasuklah dalam mengadakan majlis walimatul arus. Adat resam yang kita ikuti selama ini boleh diamalkan dalam sebarang perkara atau majlis selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam.